



KKAD
LAPORAN

SEPTEMBER-DISEMBER 2022



TERAS PKAUSIM

TIGA TERAS UTAMA PKAUSIM ADALAH

PENGURUSAN

AKADEMIK

KEBAJIKAN



19 SEPTEMBER 2022

LAPOR DIRI SETIAUSAHA GERAK KERJA PKAUSIM

Pusat Komersial, USIM - Pada 19 September 2022, Encik Muhammad Ilyas Ariffin Abu Bakar telah melapor diri sebagai Setiausaha (SU) Kerja PKAUSIM. Beliau merupakan pelajar tahun 3 dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM. Beliau ditempatkan di Pejabat PKAUSIM, di Pusat Komersial USIM. Turut hadir pada majlis lapor diri adalah Setiausaha Kehormat, Dr. Rezki Perdani Sawai, Pemeriksa Kira-kira, Dr. Anita Ismail dan Dr. Junaidah Abu Seman. Semoga kehadiran SU Kerja ini akan melancarkan lagi perjalanan program dan pentadbiran PKAUSIM, insya-Allah.



22 SEPTEMBER 2022

MESYUARAT SAIS 2022 BILANGAN 1

Pusat Tamhidi, USIM – Pada 22 September 2022, telah diadakan Mesyuarat Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS) 2022 Bil 1, bertempat di Bilik Mesyuarat MPG, Pusat Tamhidi USIM. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Azman Abdul Rahman selaku pengarah program ini merupakan mesyuarat pertama bagi SAIS 2022. SAIS merupakan seminar tahunan yang dianjurkan oleh pihak PKAUSIM dalam rangka membantu staf akademik bagi memenuhi keperluan mereka membentang kertas kerja dalam bidang kepakaran masing-masing.



30 SEPTEMBER 2022

MESYUARAT PKAUSIM BILANGAN 3

FKP, USIM - Pada 30 September 2022, telah diadakan Mesyuarat PKAUSIM Bil 3 bagi tahun 2022, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, FKP USIM. Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Irwan Mohd Subri selaku Presiden PKAUSIM. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Dr. Rezki Perdani Sawai, Pn. Siti Rubaini Mat, Dr. Zalika Adam, Dr. Roslee Ahmad, Puan Manal Jusoh @ Mohamad Daud, Dr. Azlan Jaafar, Encik Mohd Adil Mufti Mohamad Samsudin, Dr. Latifah Abdul Latiff, Dr. Syamila Mansor, Dr. Nur Aina Abdullah, PM Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali dan Dr. Mohd Hafiz Abu Hassan.



Pelbagai gerak kerja dan perkara berbangkit dibincangkan dalam mesyuarat tersebut. Mesyuarat yang telah dihadiri oleh majoriti exco PKAUSIM itu turut mengadakan sesi fotografi Majlis Eksekutif PKAUSIM dengan berpakaian jaket korporat atau dikenali sebagai jaket eksekutif PKAUSIM. Semoga gerak kerja PKAUSIM pada tahun ini berjalan lancar dan perancangan program bagi tahun hadapan dapat dirangka dengan lebih baik, insya-Allah.

30 SEPTEMBER 2022

JAKET KORPORAT MAJLIS EKSEKUTIF PKAUSIM



6 OKTOBER 2022

**PENYERTAAN USIM KE KONVENSYEN AKADEMIK UNIVERSITI AWAM
(KAKUAM)**

UPM Serdang - Sempena menyambut Bulan Akademia Universiti Awam tahun 2022, Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) bersama Persatuan Pegawai Akademik Universiti Putra Malaysia (PPAUPM) telah mengadakan Konvensyen Akademik Kebangsaan Universiti Awam Malaysia (KAKUAM). KAKUAM kali keempat ini dihadiri oleh semua gabungan 21 persatuan dan kesatuan akademik di universiti awam di Malaysia. KAKUAM kali ini diisi dengan seminar dan forum pada 6 Oktober 2022 jam 9.00 hingga 5.00 petang di Auditorium Rashdan Baba, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.



6 OKTOBER 2022

**PENYERTAAN USIM KE KONVENSYEN AKADEMIK UNIVERSITI AWAM
(KAKUAM)**

Tema KAKUAM kali ini adalah “Memasyarakatkan Ilmu Menara Gading”. Tema ini dipilih kerana sangat bersesuaian dengan penubuhan universiti di tengah-tengah masyarakat di mana universiti itu berada.

Seramai 12 orang staf akademik USIM telah menghadiri program tersebut iaitu Prof. Dr. Irwan Mohd Subri, Ustazah Manal Jusoh@Mohamad Daud, Ustaz Mohd Adil Mufti Mohamad Samsudin, Dr. Rezki Perdani Sawai, Dr. Roslee Ahmad, Dr Noorfajri Ismail, PM Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, PM Dr. Asma Abdul Rahman, Dr. Sarifah Nurhanum Syed Sahuri, PM Dr. Yuslina Mohamed, Dr. Nurhasma Muhammad Saad dan Dr. Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi.



14 OKTOBER 2022

MESYUARAT SAIS BILANGAN 2


FPSK, USIM – Mesyuarat SAIS Bil 2 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 11, FPSK pada jam 10 pagi. Seramai 9 orang ahli Majlis Eksekutif PKAUSIM telah menghadiri mesyuarat tersebut. Antara yang hadir adalah Prof. Dr. Azman Ab Rahman, Dr. Rezki Perdani Sawai, Dr. Roslee Ahmad, Dr. Noorfajri Ismail, PM Dr. Mohd Dzulkhairi Mohd Rani, Puan Siti Rubaini Mat, Puan Manal Jusoh@Mohamad Daud, Encik Mohd Adil Mufti Mohamad Samsudin dan Dr. Zalika Adam. Mesyuarat ini adalah perbincangan lanjut tentang program Seminar Antarabangsa Islam dan Sains yang bakal dianjurkan pada 1 Disember nanti. Gerak kerja seminar juga telah banyak dijalankan di samping terdapat beberapa perkara yang masih dalam proses.



Pada 5 Disember 2022, Puan Fatin Huwaina Ahmad telah melapor diri bagi memulakan tugas sebagai SU Kerja bagi menggantikan Encik Muhammad Ilyas Ariffin Abu Bakar yang telah menamatkan tempoh perkhidmatannya dengan PKAUSIM. Pihak Majlis Eksekutif PKAUSIM mengucapkan ribuan terima kasih atas khidmat dan sumbangan En. Ilyas sebagai SU Kerja yang pertama. Semoga kehadiran SU Kerja yang baharu akan melancarkan lagi perjalanan program PKAUSIM, insya-Allah.

5 DISEMBER 2022

LAPOR DIRI SETIAUSAHA GERAK KERJA PKAUSIM YANG KEDUA & PENGHARGAAN KEPADA SETIAUSAHA GERAK KERJA PKAUSIM YANG PERTAMA



21 DISEMBER 2022

MESYUARAT PKAUSIM BILANGAN 4

Pada 21 Disember 2022, telah diadakan Mesyuarat PKAUSIM bilangan 4 bagi tahun 2022 secara atas talian, melalui aplikasi Microsoft Teams. Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Prof. Dr. Irwan Bin Mohd Subri selaku Presiden PKAUSIM. Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah Dr. Rezeki Perdani Sawai, Pn. Siti Rubaini Mat, Dr. Zalika Adam, Dr. Roslee Ahmad, Puan Manal Jusoh @ Mohamad Daud, Encik Mohd Adil Mufti Mohamad Samsudin, PM Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Dr. Syaza Azhari, Dr. Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman, PM Dr. Syed Najihuddin Syed Hassan dan Dr. Mohd Hafiz Abu Hassan. Turut hadir adalah Pn. Fatin Huwaina Ahmad, SU kerja yang baru.

Mesyuarat ini telah membincangkan gerak kerja suku terakhir bagi tahun 2022 dan merencana perancangan bagi tahun 2023.



UTeM, Melaka - Pada 27 Disember 2022, Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) mengadakan Siri Kursus Kepimpinan MAAC bersama AKEPT untuk ahli MAAC sebagai laluan kedua latihan kepimpinan bersama AKEPT. Program Kepimpinan MAAC 1.0 ini bertajuk "Penilaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2013-2025". Program didahui dengan ucapan Presiden MAAC dan kemudian sesi pembentangan dari wakil AKEPT dan MAAC. PKAUSIM diwakili oleh Prof. Dr. Irwan Bin Mohd Subri selaku Presiden PKAUSIM. Turut hadir dalam program tersebut adalah Dr. Rezki Perdani Sawai, Setiausaha Kehormat.

27 DISEMBER 2022

PENGLIBATAN PKAUSIM DALAM KURSUS KEPIMPINAN MAAC



27 SEPTEMBER 2022

KOMENTAR TIMBALAN PRESIDEN BULAN SEPTEMBER

Berita RTM - Pada 27 September 2022, Timbalan Presiden PKAUSIM, Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Bin Mohd Dali telah memberi komentar beliau di ruangan berita RTM. Komentar bertajuk "Jihad Inflasi Penyelamat Negara" itu diselia oleh Saudara Mohan. Semoga usaha dan sumbangan idea ini dapat membantu masyarakat memahami isu inflasi negara dan seterusnya menjayakan slogan "Mensejahterakan Keluarga Malaysia".



29 SEPTEMBER 2022

SEMINAR PENGANTARABANGSAAN PENGAJIAN TINGGI

FPQS, USIM- Pada 27 September 2022, Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad hari ini telah merasmikan Seminar Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2022 bertempat di Dewan Kuliah Utama, FPQS, USIM.

SPPT adalah seminar yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dengan tujuan membincangkan permasalahan dan isu pengantarabangsaan IPT di Malaysia. Seminar ini anjuran Bersama Bahagian Education Malaysia dan USIM Alamiyah, turut disokong oleh PKAUSIM.



Seminar tersebut telah mengumpulkan lebih 40 kertas kerja dari pelbagai agensi Kementerian dan Institut Pengajian Tinggi. PKAUSIM juga telah melibatkan diri dalam menjayakan seminar ini melalui tim JK Kertas Kerja SPPT. Tidak lupa juga tim JK Moderasi juga terdiri dari Majlis Eksekutif PKAUSIM. Sebanyak 3 bilik selari dibuka bagi memberi ruang kepada para pembentang melontarkan buah fikiran mereka. Seusai pembentangan, pembentang diberikan sijil sebagai tanda penghargaan.

29 SEPTEMBER 2022

SEMINAR PENGANTARBANGSAAN PENGAJIAN TINGGI

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

E-PROSIDING

SEMILAR PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI 2022
Melonjakkan Aspirasi Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi Yang Mampun

Tarikh :
29 September 2022

Tempat :
Universiti Sains Islam Malaysia

Editor :
Rezki Perdani Sawal
Anita Ismail
Junaidah Abu Seman
Ahmad Fadly Nurullah Rasedee
Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali

Anjuran Bersama :

Education MALAYSIA USIM ALAMIYYAH pkausim

Disokong Oleh :

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SEMILAR PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI 2022

MELONJAKKAN ASPIRASI PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI YANG MAMPUN

29 SEPTEMBER 2022
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

f LIVE Tonton di Facebook MOHEOfficial SPPT 2022

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Education MALAYSIA USIM ALAMIYYAH pkausim



Lobi Canselori, USIM - Telah dilancarkan Hari Akademia peringkat USIM pada 5 Oktober 2022 anjuran PKAUSIM. Bertemakan "Memasyarakatkan Ilmu Negara Gading", pelancaran ini diraikan meriah bersama staf akademik USIM. Program dimulakan dengan ucapan Presiden PKAUSIM Prof. Dr. Irwan Mohd Subri, , seterusnya ucapan NC USIM, Prof. Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani dan sejeurus selepas itu merasmikan pelancaran tersebut.

"Kesarjanaan kita bila masyarakat menikmati ilmu kita" (NC USIM, 2022)

5 OKTOBER 2022

HARI AKADEMIKA PERINGKAT USIM

KHAMIS
DOMPET
KITA

SELANGOR FM
Pilihan Tepat

HELLO SELANGOR

JANGKAAN BAJET 2023

2:30 PM PROF MADYA DR NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI
06 OKTOBER 22 PENSYARAN KANAN
FAKULTI EKONOMI & MUAMALAT USIM

selangorfm100.9

selangorfm_rtm

Selangor FM - Pada 26 Oktober 2022, Timbalan Presiden PKAUSIM, Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Bin Mohd Dali telah memberi komentar beliau di corong radio Selangor FM. Komentar bertajuk "Jangkaan Bajet 2023" itu boleh dicapai melalui frekuensi radio Selangor FM, laman Facebook, Instagram dan Twitter Selangor FM. Semoga usaha dan sumbangan idea ini dapat membantu masyarakat memahami isu pembentangan bajet negara.

6 OKTOBER 2022

KOMENTAR TIMBALAN PRESIDEN BULAN OKTOBER



Pertandingan

Sempena Hari Akademia 2022

Borang Penyertaan


Tema Pertandingan
 Pengalaman sebagai seorang staf akademik

Hadiah

Pertama RM400	Kedua RM300
Ketiga RM200	Saguhati RM100 <small>5 peserta terpilih</small>

Penulisan Sajak
 Syarat Penyertaan:  Penghantaran Fail: 

Deklamasi Sajak
 Syarat Penyertaan:  Penghantaran Fail: 

Anekdot
 Syarat Penyertaan:  Penghantaran Fail: 

Tarikh Tutup 20 Okt 2022
 Terbuka kepada Semua Warga Akademik USIM

Sebarang soalan sila hubungi : 019-6375777 (Dr. Rezki)

Bersempena Hari Akademia 2022 yang diraikan pada 5 Oktober 2022, PKAUSIM telah menganjurkan pertandingan penulisan sajak, deklamasi sajak dan anekdot. Ia bertujuan untuk mencungkil dan mengetengahkan bakat terpendam dalam kalangan ahli PKAUSIM. Pertandingan yang disertai oleh warga akademik USIM ini menjanjikan hadiah yang lumayan kepada para pemenang berupa wang tunai.

20 OKTOBER 2022

PERTANDINGAN PENULISAN SAJAK, DEKLAMASI SAJAK, ANEKDOT

SENARAI PEMENANG

pkausim
Pusat Kajian dan Penyelidikan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

Pemenang Pertandingan : Penulisan Sajak
Sempena Hari Akademia 2022

Johan
Yuslina Mohamed
(Rahebah Akademia (Akademia Hebat))

Naib Johan
Izlawanie Muhammad
(Takdir Perjalananku Sebagai Pendidik)

Ketiga
Kamilah Wati Mohd
(Di Sisiimu)

Saguhati

Ismatul Nuri Asyikin Ismail
(Ditakdirkan Aku Di Kampus Barakah Usim)

Maal Fikhri Bin Jelani
(Nakhoda Ilmu)

Syamila Binti Mansor
(Sungai Gemilang Sang Akademia)

Nor Adlyzan Theirs
(Kisah Satu Petang)

Azlan Jaafar
(Usim Gagah Di Persada Nama)

PENULISAN SAJAK

pkausim
Pusat Kajian dan Penyelidikan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

Pemenang Pertandingan : Deklamasi Sajak
Sempena Hari Akademia 2022

Johan
TC Yusri Shamsudin
(Cemburu Ilmu)

Naib Johan
Umi Hamidaton Mohd
Soffian Lee
(Melakar Memori Pendidik di Bumi Barakah)

Ketiga
Syamila Mansor
(Sungai Gemilang Sang Akademia)

Saguhati

Mohd Adil Mufti bin Mohamad Samsudin
(Usahalah Setinggi Awan Anak Bangsaaku)

Yuslina Mohamad
(Rahebah Akademia)

DEKLAMASI SAJAK

pkausim
Pusat Kajian dan Penyelidikan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

Pemenang Pertandingan : Anekdote
Sempena Hari Akademia 2022

Johan
Nor Adlyzan bin Theis
(Ku Sangka Tipu, Rupanya...)

Naib Johan
Rezki Perdani Sawai
(Realiti Seorang Akademia)

Ketiga
Aspalilah Alias
(Pengalaman Sebagai Seorang Staf Akademik)

Saguhati

Hazlina Abdullah
(Dari Hati Seorang Pendidik)

Zalika Adam
(Nostalgia Sebagai Pendidik Bahasa UIAM)

Syamila Binti Mansor
(Baru, Tapi Lama)

Siti Rubaini Mat
(Kimia Itu Kehidupan)

Mohd Adil Mufti bin Mohamad Samsudin
(USIM, Institusi Bertunjangkan Naqli dan Aqli)

ANEKDOT

USIM IFFAH
INSTITUT FATWA DAN HALAL
INSTITUTE OF FATWA AND HALAL
مجمع الفتوى والحلال

Setinggi-tinggi
Tahniah

YBhg. Prof. Dr. Irwan Mohd Subri
Pengarah

atas kepakaran
Mewakili Negara Malaysia untuk
SMIC TC 15 Terminology di Istanbul, Turki

Sebagai participating member
Jawatankuasa Teknikal

Pada 21 Oktober 2022

Dengan Pembiayaan oleh
Jabatan Standard Malaysia

Ikhlas daripada
Seluruh Warga
Institut Fatwa dan Halal (IFFAH)

Pada 20 Oktober 2022, Presiden PKAUSIM, Prof. Dr. Irwan Mohd Subri telah mewakili negara Malaysia ke SMIC TC 15 Terminology di Istanbul, Turki. Sumbangan kepakaran beliau dalam program ini adalah sebagai jawatankuasa teknikal, penyertaan ini juga telah dibiayai oleh Jabatan Standard Malaysia. Sekalung tahniah buat tuan Presiden atas pelantikan ini, kami warga exco PKAUSIM turut tumpang bangga dengan kejayaan ini.

21 OKTOBER 2022

**PENYERTAAN PRESIDEN DI SMIC TC 15 TERMINOLOGY,
ISTANBUL**



USIM
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
كلية الشريعة والقانون

SETINGGI-TINGGI

Tahniah

Kepada
DR. NOORFAJRI ISMAIL

kerana terpilih menyertai
SINGAPORE INTERNATIONAL ARBITRATION
ACADEMY 2022 ANJURAN
CENTRE FOR INTERNATIONAL LAW,
NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE

Mulai
08 NOVEMBER - 11 NOVEMBER 2022

Bermula 8 november 2022 sehingga 11 november 2022, AJK Biro Jaringan Luar PKAUSIM, Dr. Noorfajri Ismail telah terpilih untuk menyertai Singapore International Arbitration Academy 2022 . Program ini anjuran Centre for International Law, National University of Singapore.

Sekalung tahniah buat Dr. Fajri atas pemilihan ini, kami warga exco PKAUSIM turut tumpang bangga dengan kejayaan ini. Semoga lebih ramai exco PKAUSIM yang akan menyumbang bidang kepakaran masing-masing ke dunia luar. Insya-Allah.

8-11 NOVEMBER 2022

**PENYERTAAN BIRO JARINGAN LUAR DI SINGAPORE
INTERNATIONAL ARBITRATION ACADEMY 2022**

**MENCARI SOLUSI
KEBUNTUAN POLITIK
PASCA-PRU15**

**MALAYSIA
MEMILIH
PRU15**

DR MAZLAN ALI
Pensyarah Kanan, Pusat Perdana
Fakulti Teknologi & Informatik Razak, UTM

PROF DR MANSOR MOHD NOOR
Profesor Kehormat,
Institut Kajian Etnik (KITA), UKM

DR NOORFAJRI ISMAIL
Pensyarah Pengajian
Undang-Undang, USM

ISNIN • 21 NOV 2022 • BERMULA 1:00 PTG
Tonton di Saluran 501 | Live TV - astroawani.com & Aplikasi Astro AWANI

astro
GO

astro
AWANI



Astro Awani- Dr. Noorfajri Ismail selaku AJK Biro Jaringan Luar PKAUSIM telah dijemput dalam sesi perbincangan di rangkaian Astro Awani. Beliau telah membincangkan tajuk "Mencari Solusi Kebuntuan Politik Pasca-PRU15".

21 NOVEMBER 2022

KOMENTAR BIRO JARINGAN LUAR DI ASTRO AWANI

KOMENTAR TIMBALAN PRESIDEN BULAN NOVEMBER

JENDELA FIKIR

Google play App Store Spotify

KAD KREDIT - LERET JANGAN SAMPAI MENGHERET

Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali
Penganalisis Ekonomi
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

RABU | 16 NOVEMBER 2022 | 8.30 PAGI

BERNAMA RADIO
FREKUENSI SIARAN :
LEMBAH KLANG FM 93.9 | JOHOR BAHRU FM 107.5 | KUCHING FM 100.9 | KOTA KINABALU FM 107.9

BERNAMA RADIO

BIZ MALAYSIA

RINGGIT BIZ
NILAI RINGGIT PASCA PRU KE-15
RABU | 23 NOVEMBER 2022
2:00 PETANG

AKMAL HAFIZ RUSLAN
PENGACARA

PROF. MADYA DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI
PENGANALISIS EKONOMI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

tv1 BERITA Freeview RSTI LIVE BIZ MALAYSIA BIZ MALAYSIA

TV RTM

GE 15 TALK

24th NOVEMBER 2022 | THURSDAY
11.15 AM

MALAYSIAN ECONOMY POST GE 15

ASSOC. PROF. NURADLI RIDZWAN SHAH
FACULTY OF ECONOMICS & MUAMALAT
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Traxx FM
Experience the Excitement

Freeview astro RADIO 872

TRAXX FM

ORGANIZED BY **pkasim** **USIM** **INSTITUT FATMA DAN HALAL**
INSTITUTE OF FATMA AND HALAL
معهد الفاتما والحلال
<https://pkasim.usim.edu.my> **Persatuan Kakitangan Akademik USIM**

SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS (SAIS) 2022

THEME MEMIMPIN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI
VENUE Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia

IMPORTANT DATES

31 OCT SUBMISSION OF FULL PAPERS OR EXTENDED ABSTRACTS

07 NOV NOTIFICATION OF ACCEPTANCE

15 NOV REGISTRATION AND PAYMENT DEADLINE

01 DEC SEMINAR

TOPIC OF INTEREST

Fiscal Sustainability
 Financial Capital
 Governance and Integrity
 Enlightened Society
 Social Sciences and Humanity
 Education and TVET
 Sciences and Technology
 Legal and Regulatory
 Effective Institutional Delivery
 Big Data
 Islamic Studies
 Sustainability
 and any related issues
 (+) with the Integration of iNaQ Knowledge

OPEN TO :

All USIM Staffs
 Postgraduate Students
 Non-presenters
 (Co-Author from USIM)

SEMINAR FEES

MYR	MYR
50	25
PRESENTER	PARTICIPANT

BIMB
 05058010017874
 PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK USIM

Email Us Proof of Payment : pkasim@usim.edu.my
 Mail Subject Line : SAIS2022 payment

SUBMISSION PROCEDURE

Submit Full Paper :
 (Mail Subject Line: SAIS2022)

Malay paper :
latifah@usim.edu.my
 (013-3092465)

English paper :
noorfajri@usim.edu.my
 (019-7789387)

Arabic paper :
zaliqa@usim.edu.my
 (011-33113719)

Full Paper Format :
<https://pkasim.usim.edu.my/sais-2022/>

Extended Abstract Format :
<https://bit.ly/3R55iy7>

Submit Extended Abstract :



<https://bit.ly/3xMkNhd>

Accepted paper and extended abstract will be published in e-proceeding with e-ISBN. Selected paper will be published in selected journals.

FPSK, USIM- Telah berlangsung Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS) 2022 pada 1 Disember 2022 bertempat di bangunan FPSK. Terdapat 4 lokasi utama bagi sesi selari pada hari tersebut iaitu Dewan Auditorium Tingkat 2, Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 11, Bilik Mesyuarat Tingkat 11, dan Bilik Seminar Tingkat 2. Pembentangan kertas kerja dan abstrak lanjutan menggunakan bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa Arab. Kesemua kertas kerja dan abstrak lanjutan juga dimuatkan dalam e-prosiding.

Seminar tersebut telah mengumpulkan 164 buah kertas kerja dari pelbagai bahasa. Terdapat 35 orang peserta yang turut mendaftar dalam program ini. Seusai program, pembentang dan peserta diberikan sijil sebagai tanda penghargaan. Seminar ini di bawah anjuran Biro Akademik dan Latihan PKAUSIM.

1 DISEMBER 2022

SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS (SAIS) 2022

<https://pkasim.usim.edu.my>
 Persatuan Kakitangan Akademik USIM

PROFESOR DR. MOHD RADHI IBRAHIM
 Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM

PROFESOR TS. DR. SHARIFUDIN MD SHAARANI
 Naib Canselor USIM

PROFESOR DR. ADNAN MOHAMED YUSOFF
 Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM

SEMINAR ANTARABANGSA ISLAM DAN SAINS (SAIS) 2022
 TEMA: MEMIMPIN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI
 TARIKH DAN MASA: 1 DEC 2022 | 8AM - 5PM
 TEMPAT: FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Naib Canselor USIM
 4 m · 🌐

Terima kasih kepada [Persatuan Kakitangan Akademik USIM](#) atas jemputan sebagai pengucap-tam dan perasmis Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS) 2022.

Bertemakan "Memimpin Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli", penganjuran seminar ini amat signifikan agar pemahaman INAQ di kalangan warga USIM serta masyarakat subur di samping membincangkan isu-isu berkaitan Islam dan sains pada era ini.

[Universiti Sains Islam Malaysia \(USIM\)](#)
[#usimcemerlangusimdisayang](#)



BARU TERBIT 2022
Just Published




Buku ini menceritakan beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dijalankan secara dalam talian, kini cukup dikenali dengan nama Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR); khusus kepada pelajar di universiti awam di Malaysia. Kesukaran yang dihadapi oleh pensyarah, cabaran yang perlu diatasi oleh pelajar dan kesan sistem pendidikan menggunakan cara ini turut dibincangkan dalam bidang tertentu seperti pengajian al-Quran, bahasa, sains kimia dan perkomputeran. Diharapkan isi kandungan buku ini dapat membantu guru, pensyarah dan ibu bapa mendapat ilham dan motivasi dalam mengharungi saat sukar semasa pandemik.

NORMA BAHARU:
Kesan Penjarakan Sosial ke atas Pendidikan di Universiti Awam

Penyunting: Siti Rubaini Mat, Nur Sakinatul Laila Mohd Jasni
ISBN: 978-967-0001-05-0



BUKU TERBITAN PKAUSIM 2022



BARU TERBIT 2022
Just Published



Buku ini menggabungkan hasil dapatan penyelidikan ahli akademik Universiti Sains Islam Malaysia dalam bidang bahasa dan sastera serta berkaitan dengannya dalam mengupas isu-isu semasa yang timbul akibat pandemik COVID-19 sehingga membawa kepada pengamalan norma baharu. Ia merangkumi isu dan pendekatan kajian bahasa dalam era norma baharu pandemik COVID-19 di Malaysia, kesan pandemik COVID-19 terhadap korpus peristilahan Bahasa Arab, wacana autoritatif dalam laporan berita pandemik COVID-19 berbahasa Arab di Malaysia, penggunaan bahan multiliterasi dalam pengajian bahasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pengamalan norma baharu dalam pembelajaran Bahasa Arab semasa PKP 3.0 dan pembudayaan norma baharu melalui penghayatan nilai psikologi retorik dalam peribahasa Melayu dan Arab. Buku ini diharapkan dapat menjadi salah satu bahan rujukan semasa dalam kajian bidang bahasa dan sastera di Malaysia yang berkaitan dengan norma baharu pandemik COVID-19, juga kepada masyarakat dan pemimpin dalam memahami kepentingan dan peranan bahasa untuk tujuan pengawalan dan pengurusan kesihatan awam dalam era pandemik melalui pengamalan norma baharu.

NORMA BAHARU:
Kesan Terhadap Bahasa dan Sastera di Malaysia

Ikuti media sosial Penerbit USIM



Kerjasama:



Penyunting: Mohd Nizwan Musling, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi
ISBN: 978-967-0001-27-2

BUKU TERBITAN PKAUSIM 2022

NORMA BAHARU:
Usaha Sains Memahami Keperluan Masyarakat

Kehadiran COVID-19 mengancam kesihatan dan mengubah kehidupan sejagat. Sebagai khalifah, usaha kita dalam mentadbir alam wajar diselarikan dengan perkembangan ilmu sains dan teknologi. Selaras dengan matlamat penghasilan buku berkaitan norma baharu ini, usaha saintis dalam memudahkan dan membantu kehidupan amat memberi kesan pada waktu yang sukar ini. Kekuatan buku ini terletak pada keunikan dalam membincangkan pelbagai cara dan kaedah dalam membendung pandemik COVID-19 secara langsung dan tidak langsung. Huraian komprehensif dibuat dari sudut pandang Islam dan Sains dalam memahami keperluan masyarakat, khasnya di Malaysia. Usaha ini selari dengan paksi Universiti Sains Islam Malaysia yang mengutamakan integrasi ilmu naqli dan aqli (iNAQ). Buku ini menggabungkan hasil dapatan penyelidikan ahli akademik Universiti Sains Islam Malaysia dalam bidang masing-masing bagi mendepani permasalahan masyarakat yang timbul akibat perubahan kehidupan yang pantas dengan pelbagai norma baharu. Walaupun sarat dengan informasi dari sudut pandang sains, para penulis berusaha untuk memberikan pendekatan yang agak santai dan penggunaan bahasa yang mudah, sesuai untuk bacaan am.

NORMA BAHARU:
Usaha Sains Memahami Keperluan Masyarakat

Penyunting:
Syaza Azhari
Siti Rubaini Mat
Syamila Mansor

USIM
Penerbit
USIM PRESS
pkausim

<http://penerbit.usim.edu.my>

BARU TERBIT 2022
Just Published



NORMA BAHARU:
Usaha Sains Memahami Keperluan Masyarakat

Kehadiran COVID-19 mengancam kesihatan dan mengubah kehidupan sejagat. Sebagai khalifah, usaha kita dalam mentadbir alam wajar diselarikan dengan perkembangan ilmu sains dan teknologi. Selaras dengan matlamat penghasilan buku berkaitan norma baharu ini, usaha saintis dalam memudahkan dan membantu kehidupan amat memberi kesan pada waktu yang sukar ini. Kekuatan buku ini terletak pada keunikan dalam membincangkan pelbagai cara dan kaedah untuk membendung pandemik COVID-19 secara langsung dan tidak langsung. Huraian komprehensif dibuat dari sudut pandang Islam dan sains dalam memahami keperluan masyarakat, khasnya di Malaysia. Usaha ini selari dengan paksi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mengutamakan integrasi ilmu naqli dan aqli (iNAQ). Buku ini menggabungkan hasil dapatan penyelidikan ahli akademik USIM dalam bidang masing-masing bagi mendepani permasalahan masyarakat yang timbul akibat perubahan kehidupan yang pantas dengan pelbagai norma baharu. Walaupun sarat dengan informasi dari sudut pandang sains, buku ini memberikan pendekatan yang santai dengan penggunaan bahasa yang mudah dan sesuai untuk bacaan am.

Ikuti media sosial Penerbit USIM



Kerjasama:



Penyunting: Syaza Azhari, Siti Rubaini Mat, Shamila Mansor
ISBN: 978-967-0001-28-9

BUKU TERBITAN PKAUSIM 2022



BARU TERBIT 2022
Just Published



Buku ini menggabungkan hasil dapatan penyelidikan ahli akademik Universiti Sains Islam Malaysia dalam bidang Maqasid Syariah, perubatan dan perundangan dalam mengupas isu semasa serta melontarkan solusi bagi permasalahan yang timbul akibat pandemik COVID-19 sehingga membawa kepada pelaksanaan norma baharu. Ia merangkumi perbincangan berkenaan Maqasid dan wasilah dalam perubatan, pergigian, penjagaan kesihatan dan analisis terhadap isu-isu *halalan toyyiban*. Peranan filantropi Islam era norma baharu turut dikupas di samping melontarkan beberapa idea baharu bagi mengoptimumkan instrumen filantropi khususnya zakat, sedekah dan wakaf. Beberapa isu dan peranan perundangan seperti sulh, koroner dan siasatan kematian turut dianalisis dalam konteks era norma baharu dan pandemik Covid-19.

PERANAN MAQASID SYARIAH, PERUBATAN DAN PERUNDANGAN DALAM MENDEPANI NORMA BAHARU

Penyunting: Hussein 'Azeemi, Azman Ab Rahman, Mohd Nizwan Musling
ISBN: 978-967-0001-63-0
Jumlah M/surat : 234



Kerjasama:



BUKU TERBITAN PKAUSIM 2022

DAPATKAN KOLEKSI SIRI BUKU NORMA BAHARU!



RM45

*sebuah buku

Dapatkan di Kedai Buku Penerbit USIM atau hubungi wakil PKAUSIM:
012-2037416 (Puan Siti Rubaini), 013-7547957 (Dr. Nizwan)



Persatuan Kakitangan Akademik USIM



<https://pkasim.usim.edu.my>



pkasim@usim.edu.my

Jumlah jualan buku terkini:

RM525.00






★ ★ ★
**ISTIMEWA BUAT
 PENJAWAT AWAM
 UNIVERSITI
 AWAM**
 ★ ★ ★

TAKLIMAT ATAS TALIAN



TARIKH:
 **12 OKTOBER 2022**

MASA:
 **10.00 pagi**

TEMPAT:
 **MS TEAMS
 (DALAM TALIAN)**



**SCAN
 QR CODE
 UNTUK SERTAI
 TAKLIMAT**

**HARGA ISTIMEWA UNTUK KAKITANGAN
 UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**



CUEPACSCare
Program Takaful Pengesportan & Perubatan

Pelan Individu RM 32 SEBULAN*	Perlindungan Sehingga RM 40,000*
Pelan Keluarga RM 85 SEBULAN*	Perlindungan Sehingga RM 60,000*

*Tertakuk kepada Polisi Takaful



CUEPACSPA
Program Takaful Kesihatan Diri

Hanya RM 6 SEBULAN*	Perlindungan Sehingga RM 220,000*
Hanya RM 12 SEBULAN*	Perlindungan Sehingga RM 440,000*

 My CuepacCare
  03 3371 4248
  www.mycuepacscare.my

KEBAJIKAN

USIM – Pada 12 Oktober yang lalu, pihak CUEPACS dengan kerjasama Biro Kerohanian dan Kebajikan telah mengadakan taklimat atas talian tentang CUEPACS Care kepada semua kakitangan USIM. Taklimat ini diadakan melalui saluran Microsoft Teams dan ianya terbuka kepada semua penjawat awam di USIM. Semoga ramai kakitangan USIM mendapat manfaat dari taklimat ini.

12 OKTOBER 2022
TAKLIMAT BERSAMA CUEPACS

KEBAJIKAN

Nilai - Bersempena Hari Akademia, Biro Riadah dan Rekreasi telah menganjurkan Kejohanan Bowling Piala PKAUSIM bertempat di Dream Bowling Kompleks Sukan Airport, Nilai. Kategori yang dipertandingkan adalah acara individu dan berpasukan. Aktiviti santai ini diharapkan dapat merapatkan lagi hubungan dalam kalangan ahli dan mencungkil bakat baru. Hadiah yang lumayan disediakan kepada para pemain yang menang.

13 OKTOBER 2022

KEJOHANAN BOWLING PIALA PKAUSIM



PERTANDINGAN



PESERTA

KEJOHANAN BOWLING PIALA PKAUSIM 2022

INDIVIDU WANITA TERBAIK



Pn. Aiza Azrin Binti Mohd Zain, TAMHIDI

Dr. Dina Imam Supaat, FSU

Prof. Madya Dr. Ramiaida Binti Darmi, FPBU

Pn. Siti Rubaini Mat, TAMHIDI

INDIVIDU LELAKI TERBAIK



En. Maal Fikri bin Jelani, FPBU

Prof. Madya Dr. Nik Rahim Nik Wajis, FSU

Dr. Mohamed Hanief bin Khalid, FPSK

Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah, FEM

KEJOHANAN BOWLING PIALA PKAUSIM 2022

BERPASUKAN TEMPAT PERTAMA



Dr. Safiyyah Binti Ahmad Sabri,
FKP
Dr. Mohd Nizwan Musling,
FPBU
Dr. Ahmad Fadly Nurullah bin
Rasedee, FEM
Pn. Aiza Azrin Binti Mohd Zain,
TAMHIDI

BERPASUKAN TEMPAT KEDUA



Dr. Fadhlina Alias,
FSU
Dr. Mohamed Hanief bin Khalid,
FPSK
Dr. Dina Imam Supaat,
FSU
En. Wan Amir Nudin Wan Ishak,
TAMHIDI

BERPASUKAN TEMPAT KETIGA



En. Maal Fikri bin Jelani,
FPBU
Dr. Azrul Azim Mohd Yunus ,
FKP
En. Muhamad Zaki Mustafa,
FST
Dr. Noradilah Abdul Hadi ,
FEM

KEBAJIKAN

PERMOHONAN TUNTUTAN SUMBANGAN KHAS PKAUSIM



JENIS-JENIS TUNTUTAN/TYPES OF CLAIM		
Bil	Jenis/Type	RM
1	Perkahwinan, pasangan bukan staf USIM (Marriage, spouse is non-USIM staff)	200
2	Perkahwinan, pasangan staf USIM (Marriage, spouse is USIM staff)	300
3	Kelahiran cahaya mata (child birth)	100
4	Kecemerlangan anak (child's academic achievement) PT3	100
5	Kecemerlangan anak (child's academic achievement) SPM	150
6	Kecemerlangan anak (child's academic achievement) Tahfiz-30 juzuk beserta sijil	200
7	Persaraan (retirement) – berkhidmat lebih dari 10 tahun	500
8	Persaraan (retirement) – berkhidmat lebih dari 5 tahun	300
9	Persaraan (retirement) – berkhidmat kurang dari 5 tahun	200
10	Kematian ahli (death-member)	500
11	Kematian pasangan (death-spouse)	300
12	Kematian ibubapa (death-parent)	100
13	Kematian anak (death-child)	100
14	Musibah kesihatan (warded more than 3 days)	100
15	Musibah lain (calamity) (tertakluk kepada keputusan mesyuarat Majlis Eksekutif)	Maksimum 500
16	Ibadah Hajj (Hajj)	100

NOTA : Permohonan tuntutan Sumbangan Khas PKAUSIM ini adalah bagi tahun semasa sahaja.
: Urusan pembayaran akan diproses pada minggu terakhir setiap bulan.



Persatuan Kakitangan Akademik USIM




<https://pkausim.usim.edu.my>



pkausim@usim.edu.my

KEBAJIKAN



KEBAJIKAN

Jumlah ahli
841 ORANG

pkausim
Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia

MAJLIS EKSEKUTIF PKAUSIM 2022/2024

PRESIDEN
PROF. DR. IRWAN MOHD SUBRI

TIMBALAN PRESIDEN
PROF. MADYA DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD ALI

DR. AHMAD FADLY NURULLAH BIN RASEDEE
Bendahari Kehormat

DR. REZKI PERDANI SAWAI
Setiausaha Kehormat

USTAZAH MANAL JUSOH @ MOHAMAD DAUD
Timbalan Setiausaha Kehormat

Biro Akademik dan Latihan

PROF. DR. AZMAN AB RAHMAN | DR. NUR AINA ABDULAH | PROF. MADYA DR. MOHD DZULKHAIRI BIN MOHD RANI

Biro Jaringan Luar

DR. ROSLEE BIN AHMAD | DR. NOORFAJRI BIN ISMAIL | DR. AZLAN BIN JAAFAR

Biro Multimedia

DR. TG AINUL FARHA BINTI TG ABDUL RAHMAN | PROF. MADYA DR. SYED NAJIHUDDIN BIN SYED HASSAN | DR. ZALIKA BINTI ADAM

Biro Riadah dan Rekreasi

PN SITI RUBAINI BINTI MAT | DR. MOHD HAFIZ BIN ABU HASSAN | DR. SYAZA BINTI AZHARI

Biro Kerohanian dan Kebajikan

DR. SYAMILA BINTI MANSOR | DR. LATIFAH BINTI ABDUL LATIFF | MOHD ADIL MUFTI BIN MOHAMAD SAMSUDIN

DR. JUNAIDAH BINTI ABU SEMAN | **PEMERIKSA KIRA-KIRA** | **DR. ANITA BINTI ISMAIL**

*"Sakit sama mengaduh,
luka sama menyiuik"*

Biro Multimedia PKAUSIM

